

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR
AWAM (EKSA) JTM BIL. 4/2022**

Tarikh	:	19 Julai 2022 (Selasa)
Masa	:	3.00 petang
Tempat	:	Bilik Mesyuarat Utama, Aras 6, JTM
Pengerusi	:	Encik Mat Setia bin Mohd Raji Timbalan Ketua Pengarah JTM
Kehadiran	:	Seperti di LAMPIRAN 1

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1. Pengerusi mengucapkan salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Jawatankuasa Induk Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) JTM Bil.4 Tahun 2022 (Bil.4/2022).
- 1.2. Pengerusi turut mengingatkan kepada semua ahli mesyuarat supaya menetapkan sasaran EKSA secara berperingkat agar mudah dicapai dan dilaksanakan.
- 1.3. Pengerusi turut memaklumkan agar pelaksanaan EKSA dirancang semula agar tindakan yang perlu diambil pada setiap peringkat pelaksanaan, pengauditan dan kelayakan syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk mendapatkan pensijilan EKSA dapat dilakukan dalam masa yang terdekat.

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk EKSA JTM Bil.3/2022 bertarikh 12 April 2022 disahkan oleh YBrs. Dr. Azmir bin Mohd Yunus dan disokong oleh Encik Azizul bin Mustafa.

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Mesyuarat bersetuju:

- 3.1 Garis Panduan EKSA JTM berada dalam fasa terakhir iaitu penambahan dari segi pelantikan Jawatankuasa *Standard* dan Jawatankuasa Keselamatan.

Penambahbaikan yang dibuat akan dikemukakan kepada Penyelaras sebelum diedarkan kepada semua warga JTM.

TINDAKAN: Urus Setia

- 3.2 Setiap Zon dan jawatankuasa perlu memastikan maklumat kolum aktiviti zon yang dipaparkan sentiasa dikemaskini di dalam Sudut EKSA JTM secara maya dengan dibantu oleh Jawatankuasa Promosi.

TINDAKAN: Ketua Zon EKSA/ Jawatankuasa Promosi

- 3.3 Hebahan EKSA yang dilakukan secara mingguan dicadang dipinda kepada dilakukan secara bulanan. Perkara ini telah ditangguh kerana sasaran EKSA perlu ditetapkan terlebih dahulu atau pun Jawatankuasa Standard menyemak semula sasaran yang terlibat.

TINDAKAN: Jawatankuasa Standard/ Jawatankuasa Promosi

- 3.4 Jawatankuasa Standard mencadangkan agar tindakan pelabelan yang lama perlu dicabut dulu dengan mengamalkan pendekatan amalan 3S supaya tidak berlaku pertindihan pelabelan yang baru.

TINDAKAN: Makluman

- 3.5 Aktiviti gotong royong dicadangkan perlu diadakan pada setiap hari Jumaat yang bertumpukan amalan 3S (sapu, sisih dan susun). Setiap Zon perlu mengambil gambar aktiviti gotong royong sebelum dan selepas aktiviti dijalankan.

TINDAKAN: Ketua Zon EKSA

- 3.6 Pengerusi menyarankan agar perolehan workstation bagi penempatan ruang kerja pegawai PMO JIMS perlu diselesaikan dengan segera setelah mendapat kelulusan KSU.

TINDAKAN: Urus Setia

- 3.7 Bagi zon-zon yang menghadapi masalah pembersihan dinding yang comot/kotor akibat kesan tampalan daripada binding tape/ double sided tape, dicadangkan menggunakan produk *chemical* yang bersesuaian bagi tujuan pembersihan.

TINDAKAN: Urus Setia

Rujukan: JTM/HQ/100-12/10 ()

- 3.8 Kerusi *banquet* perlu dibuat pembaikan sekiranya ada berlaku kerosakan dengan segera.

TINDAKAN: Urus Setia

- 3.9 Fasilitator mencadangkan agar satu kotak *cubicle* disediakan untuk setiap workstation supaya ruang kerja nampak lebih kemas dan teratur.

TINDAKAN: Jawatan Kuasa Standard/ Urus Setia

- 3.10 Pengerusi menyarankan agar setiap zon perlu kenalpasti jumlah peruntukan yang diperlukan bagi penggunaan kotak *cubicle* yang dicadangkan seperti *file folder* bagi menjimatkan penggunaan ruang yang besar berdasarkan keperluan 3S sisih, sapu dan susun.

TINDAKAN: Urus Setia

- 3.11 Setiap Ketua Zon perlu mengemukakan cadangan peruntukan perolehan sekiranya ada tambahan yang diperlukan bagi sebarang aktiviti EKSA yang dilaksanakan.

TINDAKAN: Ketua Zon EKSA

- 3.12 Setiap Zon diberi masa sehingga 15 Ogos 2022 untuk menjalankan aktiviti EKSA mengikut inovasi sendiri dan merancang aktiviti sementara.

TINDAKAN: Ketua Zon EKSA

- 3.13 Pengerusi menyarankan agar semakan dibuat dengan *owner* bangunan ini bagi penggunaan *shelves* di ruang dinding dapat dilakukan.

TINDAKAN: Urus Setia

- 3.14 Jawatankuasa Latihan memaklumkan satu lawatan penandaras EKSA ke KLIA akan dilaksanakan pada bulan Ogos ini yang melibatkan 30 orang ahli EKSA JTM.

TINDAKAN: Jawatankuasa Latihan


- 3.15 Mesyuarat turut bersetuju agar Bilik Perbincangan Aras 6 ditukar nama kepada Bilik Mesyuarat 1 atau 2.

TINDAKAN: Urus Setia


4. HAL-HAL LAIN

4.1 Mesyuarat mengambil maklum berhubung penambahbaikan **pelantikan Jawatan Kuasa dan Zon EKSA** seperti berikut:

4.1.1 Carta Organisasi Jawatankuasa Induk EKSA JTM



4.1.2 Carta Organisasi Jawatankuasa Pelaksanaan EKSA Bahagian/Zon



Rujukan: JTM/HQ/100-12/10 ()

4.2 Mesyuarat turut bersetuju terdapat beberapa cadangan penambahbaikan daripada Pakar EKSA dari Kastam Diraja Malaysia, melibatkan penyelarasan Jawatankuasa EKSA JTM seperti berikut :

4.2.1 Diseragamkan pelantikan AJK Zon. Ini adalah kerana terdapat Zon yang mempunyai Timbalan Pengerusi dan ada yang tiada. Jawatan Timbalan Pengerusi dimansuhkan;

4.2.2 Menubuhkan Jawatankuasa Keseragaman (Standard) dan Jawatankuasa Keselamatan. Ketua Jawatankuasa ini akan menganggotai Jawatankuasa Induk Pelaksanaan EKSA JTM. Jawatankuasa baharu ini adalah berperanan seperti berikut:

(i) Jawatankuasa Keseragaman (Standard) akan bertanggungjawab dalam mengenal pasti kriteria yang perlu diseragamkan dan menentukan tahap keseragaman di seluruh jabatan; dan

(ii) Jawatankuasa Keselamatan akan menyediakan Pelan Tindakan Kecemasan serta memastikan perkara-perkara berkaitan dengan keselamatan persekitaran dilaksanakan dan dipatuhi.

4.2.3 Hanya seorang sahaja Fasilitator dilantik bagi keseluruhan pelaksanaan EKSA di JTM, termasuk kesemua Zon;

4.2.4 Melantik Setiausaha bagi setiap Zon dan juga pada setiap Jawatankuasa Audit, Latihan, Promosi, Keseragaman dan Keselamatan. Ini bagi menyelaraskan dokumentasi, membantu menyediakan pelaporan aktiviti bagi tujuan rekod dan keperluan audit serta lain-lain urusan berkaitan yang akan memudahkan urusan audit kelak. Bagi tujuan ini,

(i) Fasilitator Zon sedia ada dilantik sebagai Setiausaha Zon (jika bersesuaian) atau dilantik dari mana-mana ahli Zon berkenaan; dan

(ii) Setiausaha Jawatankuasa Audit, Latihan, Promosi, Keseragaman dan Keselamatan dilantik dari salah seorang ahli Jawatankuasa (tiada penambahan lantikan ahli sedia ada).

TINDAKAN: URUS SETIA

5. PENUTUP

5.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih dan menanggungkan mesyuarat pada jam 4.00 petang.

Rujukan: JTM/HQ/100-12/10 ()

Disediakan oleh :




.....
(REKHA KANAPATHY)

Setiausaha

Tarikh : 28/7/2022

Disemak oleh :




.....
(AZIZUL BIN MUSTAFA)

P (KP) / Penyelaras Jawatankuasa Induk EKSA JTM

Tarikh : 29/7/2022

Disahkan oleh :



.....
(MAT SETIA BIN MOHD RAJI)

TKP / Pengerusi Jawatankuasa Induk EKSA JTM

Tarikh : 29/7/22

SENARAI KEHADIRAN:

1. Encik Mat Setia bin Mohd Raji - Pengerusi
2. Encik Azizul bin Mustafa - Penyelaras & Ketua Zon Ruby
3. Encik Noor Imran bin Mohamad - Fasilitator
4. YBrs. Dr. Azmir bin Mohd Yunus - Ketua Zon Zircon
5. Encik Abd Halim bin Ali Mohammed - Ketua Zon Emerald
6. Cik Junita binti Mohamed Ali - Ketua Zon Diamond
7. Puan Junnaina binti Husin Chua - Ketua Zon Amethyst
- ~~8. Puan Rekha A/P Kanopathy - Setiausaha~~
9. Puan Mazra Neesha binti Abdul Hussin - Ketua Jawatankuasa Latihan
10. Encik Muhammad Hafiz bin Harun - Ketua Jawatankuasa Audit
11. Puan Saidatina Asmah binti Ajuhary - Ketua Jawatankuasa Promosi
12. Puan Hjh Noor Lisa Rahmat - Ketua Jawatankuasa Keseragaman (Standard)
13. Encik Rostam bin Hamzah - Ketua Jawatankuasa Keselamatan
14. Puan Khaliza binti Khalid - Urus setia
15. Encik Muhammad Farhan bin Hamid - Urus setia
16. Puan Juliana binti Ali - Urus setia
17. Puan Rozitah Haron - Urus setia
18. Encik Muhammad Safwan Shafiq B Norrizam - Urus setia
19. Cik Nur Hidayatul Nadzirah binti Amirudin - Urus setia
20. Puan Nur Yuzaena binti Mohmad Yussof - Urus setia
21. Encik Mohamad Suhaimi bin Samsudin - Wakil
22. Encik Zawawi bin Abdullah - Wakil